

**PENILAIAN KEATAS PERANAN RISDA DALAM
MENINGKATKAN TARAF SOSIO-EKONOMI
PEKEBUN KECIL DI KAMPUNG BELUM
BARU , MUKIM KENERING
DAERAH HULU PERAK
GERIK**

**1.MOHD SHARIFFUDIN BIN PADZIL
94794953**

**2. IBRAHIM BIN HAJI SALLEH
94794953**

**3.NORAZLAINI BIN HAMADUDIN
92772154**

**KERTAS PROJEK INI DI KEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA
PENTADBIRAN AWAM**

**KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG - UNDANG
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK**

1998

PENGHARGAAN

Assalammua'alaikum w.r.t.

Kami bersyukur kehadrat Ilahi , tuhan semesta alam kerana dengan limpah kurnia dan keizinan Nya kami telah dapat menyempurnakan pengkajian kertas ilmiah ini sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Diploma Pentadbiran Awam . Kami juga bersyukur kerana sentiasa berada di dalam keadaan sihat sejahtera .

Kesempatan ini diambil untuk merakamkan ucapan terima - kasih tidak terhingga kepada pensyarah yang budiman , En Mohd Fauzi bin Harun yang terlalu banyak memberikan dorongan , pandangan , bimbingan , nasihat dan tunjuk ajar dalam usaha kami menyempurnakan kajian ini. Semuga Allah S.W.T melimpahkan rezeki yang tidak terhinggainsyallah.

Jutaan terima - kasih kami kepada Pegawai RISDA Daerah Hulu Perak , Pembantu Pertanian RISDA Mukim Kenering , Ketua Kampung Belum Baru dan semua yang terlibat dalam membantu kami menyempurnakan kajian ini.

Segala budi baik mereka sangat - sangat kami hargai. Semuga segala pertolongan mereka ini mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah S.W.T.

SINOPSIS

Dasar dan perancangan ekonomi yang diamalkan oleh kerajaan sehingga tahun 1969 telah meletakkan negara kita pada tahap yang boleh dibanggakan di persada antarabangsa sehingga telah menjadi role model kepada negara - negara lain yang sedang membangun. Lantaran pertumbuhan ekonomi melebihi 8 % bagi 8 tahun berturut - turut telah menjadi impian kepada negara - negara lain . Mereka cemburu akan kejayaan kita. Namun begitu kemajuan yang dicapai tidak mampu menyelesaikan permasalahan agihan pendapatan yang adil lagi saksama antara rakyat berbilang kaum. Hakta itu tercetuslah tragedi 13 Mei 1969 yang telah mengajar kita akan erti pembangunan yang adil lagi saksama . Dengan itu lahirlah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermatlamatkan serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan pada masa yang sama cuba menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Bagi mencapai hasrat ini , kerajaan telah mengamalkan ekonomi campuran dalam usahanya mengagihkan kekayaan negara dengan lebih adil dan saksama. Setelah tamat tempoh 20 tahun DEB pada 1990 , soal kemiskinan masih kedengaran di perkatakan oleh rakyat amnya dan masyarakat pekebun kecil khususnya. Lanjutan daripada itu , kerajaan melalui agensi nya RISDA telah melancarkan program pembangunan yang berteraskan program penanaman semula getah bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat pekebun kecil sejagat.

KANDUNGAN

| | |
|-------------------|----------|
| HALAMAN JUDUL | i |
| DEDIKASI | ii |
| PENGAKUAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| SINOPSIS | vii |
| KANDUNGAN | viii |
| SENARAI JADUAL | ix |
| SENARAI CARTA | xv |
| SENARAI SINGKATAN | xix |
| SENARAI LAMPIRAN | xx |

BAB

I PENDAHULUAN

| | |
|---------------------------------------|----|
| 1.1 Pengenalan Dan Pernyataan Masalah | 1 |
| 1.2 Objektif Kajian | 12 |
| 1.3 Metodologi Kajian | 12 |
| 1.4 Hipotesis Kajian | 14 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan Dan Pernyataan Masalah.

Pembangunan Ekonomi Negara di jadikan ukuran kemampuan untuk membangun , terutamanya dalam menyediakan dana bagi tujuan menjalankan program pembangunan berbentuk penyediaan prasarana, peluang pekerjaan , pembentukan institusi dan kecekapan pentadbiran negara. Pendapatan negara merupakan penentu kepada pertumbuhan dan pelaburan secara fizikal dan pengagihankekayaan dengan lebih adil dan saksama kepada penduduk di dalam negara¹. Konsep pertumbuhan ekonomi pula telah mendapat tempat utama dalam agenda pembangunan terutama selepas perang dunia ke dua. Pada tahun 1950an hingga 1970an , pembangunan negara dengan mudah dikaitkan dengan kemampuan sesebuah negara membangun saperti Malaysia meningkatkan kemampuannya dalam bidang ekonomi. Matlamat negara-negara ini adalah untuk menjamin peningkatan pada keluaran negara kasar pada paras antara 5 hingga 7 peratus² . Dalam dasarwarsa ini jelas memperlihatkan penyusunan usaha-usaha gigih terhadap pembangunan luarbandar . Perkembangan ini adalah hasil dorongan pengaruh politik setelah mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957. Keadaan sosial dan ekonomi masyarakat jelata yang tepu selepas era 1960 an , telah menepuk kepala para perancang ekonomi dan negara untuk mengalih pandangan mereka kearah

¹ Rozalli Hashim, Pentadbiran Pembangunan Manual PJJ , Institut Teknologi MARA (Shah Alam) ,1997, hlm .251

² Ibid , hlm 252